

**PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI
CAMERON HIGHLANDS : SATU KAJIAN KES**

LEE BOON HIONG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2007

**PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI CAMERON
HIGHLANDS : SATU KAJIAN KES**

Oleh

Lee Boon Hiong

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana
Sastera**

Disember 2007

PENGHARGAAN

Akhirnya penulisan tesis ini telah sampai ke tanda titik. Penulisan tesis ini memerlukan bantuan dari pelbagai pihak, di sini saya amat berterima kasih kepada pihak yang telah memberi bantuan kepada saya. Pertama, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama Prof Chan Ngai Weng walaupun beliau amat sibuk dengan tugasnya tetapi beliau masih dapat meluangkan masa untuk membantu, membuat pembetulan dan memimpin saya di sepanjang penyelidikan ini. Terima kasih juga ditujukan kepada Dr Anisah Lee Abdullah sebagai penyelia kedua kerana beliau banyak memberi galakan. Saya juga ingin berterima kasih kepada Dr Chris Barrow, Dr Julian Clifton, pelajar-pelajar dan rakan-rakan yang membantu saya dalam kerja lapangan terutamanya Ong Cheng Tat dan Ting Phooi Leng.

Penghargaan turut ditujukan kepada Majlis Daerah Cameron Highlands yang banyak membekalkan saya data-data yang penting untuk penulisan tesis ini. Penghargaan juga disampaikan kepada Jabatan Meteorologi Malaysia, Stesen Kajicuaca Tanah Rata, Cameron Highlands, Jabatan Alam Sekitar Cameron Highlands, Jabatan Perhutanan Cameron Highlands dan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia yang membekalkan maklumat berguna dan memberi kerjasama dalam kajian ini. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang memberi bantuan dan Institut Pengajian Siswazah yang menawarkan saya bantuan kewangan melalui Skim Pembantu Siswazah. Akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya dan rakan-rakan yang menemani saya sepanjang penulisan tesis ini. Mereka telah banyak memberi sokongan moral dan nasihat semasa saya menghadapi masalah dan ahli keluarga saya sentiasa memberi sokongan kewangan kepada saya di sepanjang penyelidikan ini.

Sekian terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Isu kajian	1
1.2 Pernyataan masalah	2
1.3 Kepentingan kajian	4
1.4 Skop kajian	5
1.5 Objektif kajian	5
1.6 Persoalan kajian	6
1.7 Definisi operasional	6
1.8 Batasan kajian	8
1.9 Organisasi kajian	9
1.10 Rangka kerja konseptual	10
1.11 Rumusan	13
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	15
2.1 Konsep persepsi pelancong	15

2.1.1	Keputusan persepsi dalam pelancongan	17
2.2	Konsep pelancong	18
2.2.1	Konsep pelancongan di Malaysia	22
2.3	Konsep ekopelancongan	25
2.3.1	Konsep ekopelancongan di Malaysia	28
2.4	Hubungan antara ekopelancongan dengan alam sekitar	31
2.5	Hubungan antara ekopelancongan dengan komuniti tempatan	33
2.6	Rumusan	37
BAB 3 KAWASAN KAJIAN		
3.0	Pengenalan	38
3.1	Pemilihan kawasan kajian	38
3.2	Latar belakang	39
3.3	Ciri-ciri fizikal	40
3.3.1	Kedudukan geografi	42
3.3.2	Iklm	42
3.3.2.1	Hujan	42
3.3.2.2	Suhu	43
3.3.2.3	Sejatan	45
3.3.2.4	Sinar suria	45
3.3.3	Ekosistem hutan	46
3.3.4	Kualiti udara	47
3.3.5	Kualiti air	48
3.3.6	Hakisan dan pemendapan	48
3.4	Guna tanah	49

3.4.1	Guna tanah daerah	49
3.5	Penduduk	52
3.6	Asas ekonomi	53
3.6.1	Sektor pertanian	53
3.6.2	Sektor pelancongan	54
3.6.2.1	Ciri-ciri pelancong	55
3.6.2.2	Penginapan pelancong	56
3.6.2.3	Tarikan pelancong	57
3.6.3	Sektor perindustrian	59
3.7	Rumusan	60
BAB 4	METODOLOGI KAJIAN	
4.0	Pengenalan	61
4.1	Pengumpulan data	61
4.1.1	Kerja lapangan	62
4.1.2	Kaedah penyelidikan	63
4.1.3	Soal selidik	63
4.1.4	Temubual	64
4.1.5	Populasi	64
4.1.6	Saiz sampel	64
4.1.7	Kaedah persampelan	66
4.2	Analisis data	66
BAB 5	ANALISIS TENTANG PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI CAMERON HIGHLANDS	
5.0	Pengenalan	68
5.1	Profil demografi pelancong	68
5.2	Ciri kunjungan pelancong	71

5.3	Persepsi pelancong terhadap masalah persekitaran	78
5.4	Persepsi pelancong terhadap pengurusan pelancongan di Cameron Highlands	80
BAB 6	PERBINCANGAN TARAF PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI CAMERON HIGHLANDS	
6.0	Pengenalan	84
6.1	Perbincangan dapatan kajian	84
6.1.1	Taraf pembangunan ekopelancongan di Cameron Highlands	84
6.1.2	Persepsi pelancong dalam masalah persekitaran	89
6.1.3	Persepsi pelancong dalam pemeliharaan alam sekitar di Cameron Highlands	93
6.1.4	Perbincangan Model Persepsi Ekopelancongan berdasarkan dapatan kajian	96
6.2	Rumusan	97
BAB 7	KESIMPULAN	
7.0	Pengenalan	98
7.1	Rumusan hasil kajian	98
7.2	Cadangan pemeliharaan persekitaran di Cameron Highlands	100
7.3	Cadangan untuk kajian masa hadapan	106
7.4	Penutup	106
	BIBLIOGRAFI	107
	LAMPIRAN	115

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 2.1	Ketibaan pelancong antarabangsa.	21
Jadual 2.2	Ketibaan dan pendapatan pelancong di Malaysia pada tahun 1990-2003.	24
Jadual 3.1	Min suhu minimum di Cameron Highlands dari tahun 1984-2004.	44
Jadual 3.2	Min suhu maksimum di Cameron Highlands dari tahun 1984-2004.	44
Jadual 3.3	Kawasan hutan simpanan yang baru diwartakan di Cameron Highlands.	47
Jadual 3.4	Guna tanah semasa mengikut mukim di Cameron Highlands.	50
Jadual 3.5	Guna tanah di Cameron Highlands pada tahun 2002.	50
Jadual 3.6	Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik di Cameron Highlands pada tahun 2000.	52
Jadual 3.7	Keluasan tanah tanaman utama di Cameron Highlands pada tahun 1993 dan 2001.	54
Jadual 3.8	Pasaran eksport utama bunga-bunga di Cameron Highlands pada tahun 2001.	54
Jadual 3.9	Ketibaan pelancong hotel di Cameron Highlands pada tahun 2000-2004.	56
Jadual 3.10	Tempat penginapan di Cameron Highlands pada tahun 2004.	57
Jadual 3.11	Kadar purata penginapan di Cameron Highlands pada tahun 1992-2000.	57
Jadual 4.1	Pengumpulan data-data sekunder.	62
Jadual 5.1	Gender responden.	68
Jadual 5.2	Taburan umur penduduk.	69
Jadual 5.3	Jenis warganegara pelancong.	70
Jadual 5.4	Jenis pekerjaan pelancong.	71
Jadual 5.5	Taraf pendidikan pelancong.	71
Jadual 5.6	Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh pelancong.	76

Jadual 5.7	Aktiviti-aktiviti yang ingin dijalankan oleh pelancong.	77
Jadual 5.8	Program 'Tinggal Bersama dengan Orang Asli'.	78
Jadual 5.9	Persepsi pelancong terhadap masalah persekitaran.	79
Jadual 5.10	Hubungkait antara taraf pendidikan responden dengan masalah alam sekitar.	80
Jadual 5.11	Persepsi pelancong terhadap pengurusan pelancongan.	81
Jadual 5.12	Hubungkait antara taraf pendidikan responden dengan langkah pengurusan pelancongan.	83
Jadual 6.1	Kenderaan yang menaiki ke Cameron Highlands pada hari kebiasaan dan hujung minggu.	93

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1.1	Model ekopelancongan.	11
Rajah 1.2	Rangka kerja konseptual.	13
Rajah 3.1	Peta Cameron Highlands.	41
Rajah 3.2	Min suhu minimum di Cameron Highlands dari tahun 1984-2004.	44
Rajah 3.3	Min suhu maksimum di Cameron Highlands dari tahun 1984-2004.	45
Rajah 3.4	Pola guna tanah di Cameron Highlands 1998.	51
Rajah 4.1	Carta aliran metodologi kajian.	67
Rajah 5.1	Jenis kunjungan pelancong di Cameron Highlands.	72
Rajah 5.2	Kekerapan kunjungan pelancong ke Cameron Highlands.	73
Rajah 5.3	Tempoh menginap pelancong.	74
Rajah 5.4	Tempat penginapan pelancong.	75

SENARAI SINGKATAN

CHTDA	Cameron Highlands Tourism Development Association
EIA	Penilaian Kesan Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment)
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Malaysia
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
KDNK	Keluaran Dalam Negari Kasar
LPPM	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
MDCH	Majlis Daerah Cameron Highlands
MNS	Malaysian Nature Society
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan
REACH	Regional Environmental Awareness of Cameron Highlands
SPSS	Statistical Package for Social Science
TDC	Tourism Development Corporation
TNB	Tenaga Nasional Berhad
WTO	World Tourism Organization
WWF	Malaysia World Wide Fund for Nature

PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI CAMERON HIGHLANDS : SATU KAJIAN KES

ABSTRAK

Ekopelancongan adalah satu produk pelancongan yang baru diperkenalkan di Malaysia berasaskan ekologi, pendidikan dan pertanian. Cameron Highlands merupakan bukit peranginan yang terluas di Malaysia. Keadaan iklim yang sejuk dan alam semula jadi yang kaya dengan flora dan fauna menjadikan Cameron Highlands satu destinasi pelancongan yang terkenal. Sektor pelancongan adalah sumber ekonomi yang penting di Cameron Highlands. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti aktiviti ekopelancongan di Cameron Highlands, mengenal pasti persepsi pelancong terhadap masalah hutan ditebang dan hakisan tanah atau tanah runtuh di Cameron Highlands dan mengenal pasti persepsi pelancong terhadap langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar di Cameron Highlands. Seramai 384 responden pelancong telah dipilih berdasarkan persampelan rawak dan berstrata. Data dianalisis menggunakan ujian khi kuasa dua. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelancong berminat dalam aktiviti ekopelancongan iaitu trek kembara hutan, memerhati flora dan fauna di dalam hutan, melawat ke perkampungan orang asli dan melawat sekeliling luar bandar. Masalah hutan ditebang dan hakisan tanah dianggap serius oleh pelancong. Masalah ini bukan sahaja mendatangkan kesan malah juga mengancam sektor pelancongan di Cameron Highlands. Dalam persepsi pelancong, langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar adalah penting untuk melindungi alam semula jadi di Cameron Highlands. Secara kesimpulan, ekopelancongan adalah pilihan pembangunan yang paling sesuai untuk mencapai pembangunan mapan di Cameron Highlands.

ECOTOURISM DEVELOPMENT IN CAMERON HIGHLANDS : A CASE STUDY

ABSTRACT

Ecotourism is one of the new tourism products in Malaysia which is based on ecology, education and agriculture. Cameron Highlands is one of the largest highland resorts in Malaysia. Cameron Highlands is a famous tourist destination with cool pleasant climate and rich biodiversity. The tourism sector is an important economic resource in Cameron Highlands. This research examined ecotourism activities in Cameron Highlands, tourist perception on deforestation and erosion or landslide and tourist perception on measures to conserve the environment in Cameron Highlands. A total of 384 tourists were selected based on random and stratified sampling. Data from the survey were analysed using Chi Square test. The results indicated that tourists are attracted to ecotourism activities which are trekking in the jungle, watching flora and fauna in the jungle, visit orang asli villages and visit natural countryside surroundings. In tourist perception, the issues of deforestation and erosion or landslide were considered serious. These problems not only bring negative effects but also threaten the tourism sector in Cameron Highlands. In tourist peception, conservation measures are needed to protect the environment in Cameron Highlands. In conclusion, ecotourism is the best option for development towards achieving sustainable development in Cameron Highlands.

Bab 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Bab ini merupakan rangka kepada penyelidikan. Perbincangan dalam bab ini menjelaskan secara umumnya idea keseluruhan termasuk kepentingan, skop, persoalan dan objektif kajian. Perubahan alam sekitar diulaskan sebagai pemahaman latar belakang dan isu kajian ini.

1.1 Isu Kajian

Pelancongan bermula kira-kira 5000 tahun yang lalu dengan dorongan oleh kegiatan perdagangan, ketenteraan dan pentadbiran kerja atau penaklukan (Iskeep, 1996; Weaver dan Oppermann, 2000; Goeldner et.al, 2000). Pelancongan merupakan satu fenomena yang berkembang pesat selepas Perang Dunia Ke-2. Ini berpunca daripada kemajuan di negara Eropah dan Amerika Syarikat dalam bidang pengangkutan, pembangunan ekonomi yang pesat, peningkatan taraf pendidikan dan taraf hidup kelas menengah (Iskeep, 1996; Weaver dan Oppermann, 2000; Goeldner et.al, 2000; Theobald, 1994:3).

Alam sekitar merupakan sumber pelancongan (Iskeep, 1996). Industri pelancongan berkait rapat dengan kualiti alam sekitar fizikal. Lazimnya, alam sekitar asli merupakan sumber tarikan utama kepada pelancong. Pelancong akan tertarik kepada kawasan yang mempunyai pemandangan yang indah, iklim yang menyegarkan, pantai yang putih, air laut yang jernih dan alam sekitar yang asli serta mempunyai lanskap yang menarik dan cantik (Abibullah, 1999:27). Sekiranya sumber unik alam sekitar dikekalkan, industri pelancongan akan menjadi mapan (Clifton, 2006:61). Namun, industri pelancongan sering mengancam alam sekitar yang

mempunyai daya tarikan keindahan semula jadi dan nilai sejarah (Smigielski, 1971:6). Perkembangan industri pelancongan seperti pembinaan tempat penginapan dan infrastruktur telah menyebabkan pengeksploitasian terhadap alam sekitar. Industri pelancongan kini semakin dibangunkan, pengeksploitasian sumber alam semula jadi juga semakin meningkat.

Industri pelancongan merupakan satu sektor yang semakin berkembang pesat di negara-negara membangun. Industri ini bukan sahaja meningkatkan hasil pendapatan tetapi juga membantu dalam meningkatkan ekonomi negara. Kini, industri pelancongan mula mengalami perubahan di mana perubahan bergerak para pelancong dari negara maju ke negara membangun akibat negara membangun mempunyai alam semula jadi yang masih belum terganggu oleh proses pembangunan yang pesat. Pelancongan massa (*mass tourism*) merupakan aktiviti berintensif dan beroperasi pada tahap yang diterima umum telah menarik jumlah pelancong yang besar ke tumpuan destinasi-destinasi tertentu. Jika tidak dikawal, pelancongan massa akan meningkatkan tekanan dan mempercepatkan kadar kemusnahan alam persekitaran kerana pelancongan massa hanya memberi tumpuan dalam mempromosikan dan membangunkan destinasi pelancongan tanpa mengambil kira tentang penjagaan alam sekitar (Goodall, 1994:655).

1.2 Pernyataan Masalah

Cameron Highlands merupakan kawasan tanah tinggi yang kaya dengan flora dan fauna serta mempunyai cuaca yang sejuk dan dingin. Pelancongan adalah aktiviti ekonomi yang utama di Cameron Highlands. Cameron Highlands telah mengalami fenomena perubahan akibat daripada arus pembangunan. Pembangunan yang tidak terkawal di Cameron Highlands bukan sahaja mendatangkan kesan malah juga menjejaskan pelancongan di Cameron Highlands. Pembangunan telah menyebabkan kawasan hutan semakin berkurangan. Data yang menunjukkan bahawa pada tahun

1993, terdapat 77.5% kawasan di Cameron Highlands adalah kawasan hutan. Namun, pada tahun 2002, hanya 54.2% kawasan di Cameron Highlands adalah kawasan hutan (Pejabat Tanah Cameron Highlands, 2002). Penebangan dan pembukaan tanah banyak memusnahkan spesies flora dan fauna. Di Cameron Highlands, paku-pakis, periuk kera dan orkid liar semakin berkurangan (Majlis Daerah Cameron Highlands, 1996:14-5). Kehijauan alam semula jadi dan keunikan biodiversiti merupakan sumber tarikan utama yang menarik pelancong berkunjung ke Cameron Highlands. Dalam jangka masa yang panjang, kehilangan liputan hutan dan biodiversiti akan menjejaskan pelancongan di mana situasi ini menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan pelancong dengan pemandangan hutan yang semakin berkurangan.

Pembukaan tanah di Cameron Highlands untuk aktiviti pertanian dan pembangunan secara tidak terkawal telah mendedahkan kawasan ini kepada agen hakisan. Hakisan tanah akan menyebabkan kejadian tanah runtuh. Cameron Highlands sering berlaku kejadian tanah runtuh. Masalah tanah runtuh turut dibangkitkan oleh pihak perhotelan. Pelancong akan membatalkan penginapan hotel apabila didapati berlakunya kejadian tanah di Cameron Highlands. Keadaan ini ditakuti akan mengurangkan jumlah pengunjung ke Cameron Highlands.

Terdapat data yang menunjukkan bahawa perubahan iklim telah berlaku di Cameron Highlands akibat kehilangan kawasan semula jadi dan kawasan tadahan air. Leong pada tahun 1992 menerangkan bahawa pembangunan yang meluas di Cameron Highlands yang menggantikan hutan dengan jalan raya berturap, bangunan dan bahan yang menyerap haba akan meningkatkan min suhu di Cameron Highlands (Chan et.al, 2003:244; Chan, 2006:18). Penduduk sekitar yang telah lama menetap di kawasan Cameron Highlands merungut terhadap perubahan iklim yang semakin panas. Dalam jangka masa yang panjang, keadaan ini ditakuti akan mengurangkan jumlah pelancong yang berkunjung ke Cameron Highlands.

1.3 Kepentingan Kajian

Kawasan pergunungan adalah komponen yang sangat penting di permukaan bumi. Fairbridge (1968) telah menganggarkan bahawa terdapat 36% daripada tanah di permukaan bumi merupakan kawasan pergunungan, tanah tinggi dan bukit (Gerrard, 1990). Kawasan tanah tinggi telah membekalkan 10% sokongan kehidupan secara langsung dalam populasi dunia dan 50% secara tidak langsung kerana kawasan pergunungan adalah sumber sistem sungai yang utama di dunia (Ives, 1992 dalam Beniston, 2000). Kawasan ini juga membekalkan banyak aktiviti ekonomi yang penting seperti pembalakan, perhutanan, pertanian dan sumber tenaga. Tambahan lagi, kawasan pergunungan adalah kunci kepada sumber mineral, daya, produk hutan dan rekreasi. Persekitaran di kawasan pergunungan merupakan asas untuk hidup bagi ekosistem global.

Kajian ini amat bermakna dalam konteks peningkatan keilmuan dalam pembangunan dan isu persekitaran. Di Malaysia, pembangunan ekopelancongan masih dianggap sesuatu produk pelancongan yang baru. Sektor pelancongan telah mengalami pembangunan pesat di Malaysia sejak awal tahun 1990an. Sektor pelancongan dijangka akan terus berkembang menjelang abad ke-21. Hasil kajian ini mampu menyumbang kepada peningkatan pengetahuan dalam pelancongan dan isu persekitaran.

Hasil kajian dan kerangka teoritikal yang dikemukakan oleh penyelidik dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam usaha merangka dan melaksanakan pembangunan pelancongan yang mapan dan mesra alam. Tinjauan kajian lepas dan hasil kajian juga menjadi sumber rujukan dan panduan asas bagi pihak yang terlibat.

Tindakan manusia sebagai agen dalam mengeksploitasi sumber alam semula jadi, hasil kajian ini diharap dapat digunakan sebagai panduan dan pengajaran

berguna kepada masyarakat tempatan dalam menghadapi isu pengeksploitasi sumber alam semula jadi di kawasan tanah tinggi. Ini dapat meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tempatan dalam melindungi alam semula jadi dalam arus pembangunan yang semakin kompleks. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan prinsip dasar bagi pihak kerajaan tempatan dan operator pelancongan dalam merancang dan melaksanakan pembangunan yang berkaitan dengan sektor pelancongan.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini mengkaji tentang pembangunan ekopelancongan di Cameron Highlands. Skop penyelidikan ini menumpukan kepada potensi alam semula jadi dalam pembangunan ekopelancongan di Cameron Highlands. Kajian ini juga membincangkan kesan negatif pembangunan yang mempengaruhi sektor pelancongan di Cameron Highlands. Sebenarnya, kesan negatif pembangunan mempengaruhi sektor pelancongan adalah pelbagai, dalam kajian ini tumpuan hanya diberi kepada kesan utama iaitu hutan ditebang dan hakisan tanah atau tanah runtuh. Selain itu, kajian ini juga memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar melalui langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar untuk mencapai pembangunan mapan.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif kajian seperti berikut :-

1. Mengenal pasti aktiviti ekopelancongan di Cameron Highlands.
2. Mengenal pasti persepsi pelancong terhadap masalah hutan ditebang dan hakisan tanah atau tanah runtuh di Cameron Highlands.
3. Mengenal pasti persepsi pelancong terhadap langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar di Cameron Highlands.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa andaian seperti berikut :-

1. Cameron Highlands adalah pelancongan tanah tinggi yang belum dimajukan sepenuhnya dalam pembangunan ekopelancongan. Adakah ekopelancongan sesuai dibangunkan di Cameron Highlands?
2. Masalah persekitaran terutamanya masalah hutan ditebang dan hakisan tanah atau tanah runtuh sering berlaku di Cameron Highlands akibat pengurusan yang lemah dan pembangunan yang tidak terkawal. Adakah masalah hutan ditebang dan hakisan tanah atau tanah runtuh serius di Cameron Highlands?
3. Untuk melindungi alam semula jadi yang penting dalam industri pelancongan supaya tidak dimusnah akibat daripada pembangunan yang tidak terkawal. Adakah pelancong bersetuju dengan mengadakan langkah-langkah pemeliharaan untuk melindungi alam sekitar semula jadi di Cameron Highlands?

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat istilah-istilah yang perlu diberi definisi untuk pemahaman umum tentang makna dan konsep. Berikut adalah definisi istilah tersebut:-

A. Pelancong

Dalam kajian ini, pelancong adalah orang yang melancong di destinasi yang dilawati dengan tujuan mengisi masa lapang (untuk rekreasi, percutian, kesihatan, agama dan sukan), perniagaan, keluarga, perwakilan dan bermesyuarat yang menetap sekurang-kurangnya 24 jam dan termasuk juga pelawat sementara yang melawat kurang daripada 24 jam (Mill, 1990; Pye dan Tzong *et.al*, 1983)

B. Pelancongan

Pelancongan adalah suatu perjalanan atau pengembaraan oleh seseorang ke suatu destinasi yang lain dan akhirnya akan pulang semula ke titik permulaannya.

Lawatan pusingan ini biasanya mempunyai tujuan tertentu seperti perniagaan, berekreasi, mengikut pelajaran dan sebagainya. Di sepanjang perjalanan, pelbagai tempat akan dilawati dan jadual lawatan biasa telah dirancang (Mathieson dan Wall, 1991). Pelancongan dihasilkan oleh dua kuasa iaitu permintaan dan penawaran. Permintaan adalah pelbagai kemampuan dan tarikan pelancongan. Penawaran adalah kesemua faktor fizikal dan program pembangunan yang diperlukan oleh pelancong (Gunn dan Var, 2002).

C. Persepsi pelancong

Persepsi pelancong adalah proses yang ditubuhkan oleh manusia dalam menginterpretasi elemen-elemen persekitaran iaitu pemahaman pelancong dalam membuat keputusan mengapa pelancong memilih aktiviti tertentu. Pelancong akan membuat pertimbangan dan bebas memilih pengalaman berdasarkan bagaimana mereka menilai peluang, menggiatkan persekitaran, menginterpretasi maklumat dan menubuhkan kecenderungan (Jafari, 2000:431).

D. Pembangunan mapan

Pembangunan mapan dalam kajian ini merujuk kepada definisi dari World Commission on Environment and Development iaitu pembangunan yang dapat memenuhi kehendak pada masa sekarang tanpa menjejaskan keupayaan generasi masa depan untuk memenuhi keperluan mereka sendiri (Owen, et.al, 1993:463; Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1996:3; The World Commission on Environment and Development, 1987:8). Konsep ini mempunyai makna yang luas iaitu dari kitar semula dan pengurangan tenaga pengguna kepada pencegahan kesan manusia terhadap alam sekitar dan sumber kebudayaan dengan syarat bahawa pembangunan mapan mengambil kira langkah-langkah pemeliharaan alam semula jadi.

E. Pelancongan mapan

Pembangunan pelancongan mapan adalah pelancongan yang dibangunkan dan dibekalkan di sesuatu kawasan termasuk komuniti dan persekitaran dalam sikap

dan skala tertentu yang boleh berdikari dalam satu jangka masa. Pelancongan ini tidak mendegradasikan dan mengubah persekitaran (termasuk manusia dan alam fizikal), kemunculannya dapat mencegah pembangunan yang berjaya dan mendatangkan faedah kepada aktiviti dan proses lain (Weaver,1998). Secara ringkasnya, pelancongan mapan tidak memusnahkan alam sekitar dan ekologi serta merangkumi pembangunan skala kecil dalam komuniti tempatan.

F. Ekopelancongan

Menurut Ceballos-Lascurain (1996), ekopelancongan adalah perjalanan dan lawatan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar kepada kawasan semula jadi untuk menikmati dan menyedari akan sifat-sifat semula jadi (termasuk sifat-sifat kebudayaan kini dan lalu), menggalakkan pemuliharaan alam sekitar, membawa kesan yang rendah serta membolehkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio-ekonomi yang positif (Scheyvens, 1999:245; Ross dan Wall, 1999a:124; Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia 1996:1; Jafar Jafari, 2000:165; Page dan Dowling, 2002; Weaver, 2001). Ekopelancongan sebagai pengembaraan yang bertujuan mewujudkan kesefahaman dalam kebudayaan dan persejarahan yang tergolong dalam persekitaran, menekankan penjagaan ekosistem dan menghasilkan faedah dalam bentuk ekonomi kepada tempatan dan kerajaan untuk menggalakkan pemuliharaan semula jadi (Goeldner et.al, 2000; Hawkins, 1994:261).

1.8 Batasan Kajian

Sepanjang penyelidikan ini dijalankan, banyak batasan dan masalah yang ditempuhi. Ini termasuk soal kewangan, masa, kerjasama pelbagai pihak, jarak tempat penyelidikan dan sebagainya. Dalam penggunaan teori, terdapat banyak teori-teori pelancongan yang boleh digunakan. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan model ekopelancongan yang diperkenalkan oleh Ross dan Wall (1999) dalam

perbincangan kerana teori ini adalah lebih sesuai berbanding dengan teori-teori yang lain.

Kebanyakan pelancong dan pelawat yang diberi borang tidak mengisi dengan lengkap maklumat yang dikehendaki. Ini mungkin disebabkan maklumat tersebut adalah rahsia baginya atau mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengisinya. Semua soal selidik yang dikumpul dari kerja lapangan telah diperiksa dan hanya soal selidik yang lengkap sahaja diproses dan digunakan dalam kajian ini.

1.9 Organisasi Kajian

Bab 1 merupakan permulaan kajian yang membincangkan tentang latar belakang, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, skop kajian dan persoalan kajian, definisi operasional, batasan kajian, pembentukan rangka kerja konseptual kajian dan organisasi penulisan tesis. Bab 2 menerangkan konsep pembangunan pelancongan dan ekopelancongan. Selain itu, bab ini juga membincangkan konsep persepsi pelancong dan kerangka teoritis. Kajian-kajian dari luar negara dan tempatan juga diterangkan dalam bab ini. Bab 3 menerangkan tentang latar belakang dan ciri-ciri kawasan serta guna tanah di kawasan kajian. Bab 4 membincangkan tentang metodologi kajian. Bab 5 menerangkan tentang analisis maklum balas pelancong dan persepsi pelancong terhadap isu persekitaran dan langkah-langkah perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Bab 6 menerangkan tentang perbincangan pembangunan ekopelancongan, persepsi pelancong dalam isu persekitaran dan langkah-langkah perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Bab 7 merupakan bab terakhir yang merumuskan seluruh kajian serta mencadangkan langkah-langkah untuk memelihara alam sekitar di Cameron Highlands. Cadangan kajian pada masa hadapan turut dijelaskan.


1.10 Rangka Kerja konseptual

Model ekopelancongan yang diperkenalkan oleh Ross dan Wall (1999) menunjukkan hubungan di antara pelancongan, komuniti tempatan dan biodiversiti (Rajah 1.1). Menurut Ross dan Wall, pelancongan yang mapan harus mengambil berat tentang alam sekitar dan komuniti tempatan. Kekuatan dan kelemahan sesuatu hubungan akan mendatangkan implikasi kepada hubungan lain. Dalam hubungan antara komuniti tempatan dan biodiversiti, komuniti tempatan bertindak sebagai pengurus kepada alam sekitar. Mereka akan menerima faedah daripada perlindungan kepada alam sekitar melalui hasil pertanian yang mantap, menyatu dan mempelbagaikan zon guna tanah dan melindungi sumber alam yang penting seperti kawasan tadahan air. Ekopelancongan akan melibatkan komuniti tempatan dalam proses pengurusan dan perancangan sumber semula jadi iaitu memelihara dan memulihara sumber alam semula jadi atau biodiversiti.

Dengan penglibatan dalam ekopelancongan, komuniti tempatan akan menerima faedah dari segi ekonomi dan sosial. Dalam aspek ekonomi, ekopelancongan akan meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan masyarakat setempat. Misalnya di Nepal, penduduk sekitar kawasan Taman Negara Sagarmatha telah menerima pendapatan daripada menjadi pemandu pelancong, menjual kraftangan dan pakaian dan membekalkan penginapan kepada pelancong (Wells, 1993 dalam Ross dan Wall, 1999a:128). Selain itu, ekopelancongan juga meningkatkan kemudahan infrastruktur dan komunikasi setempat yang dibekalkan oleh pihak kerajaan seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air, perkhidmatan telekomunikasi seperti telefon awam, kemudahan pengangkutan awam dan sebagainya. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan pembangunan ekonomi kawasan tersebut terutamanya di kawasan pedalaman. Dalam aspek sosial, ekopelancongan akan memperbaiki pemahaman dan penghargaan pelancong terhadap kebudayaan masyarakat setempat. Ekopelancongan menyemai nilai dan

perasaan kehormatan diri kepada penduduk kampung pedalaman. Ini dapat menggalakkan dan menguatkan warisan kebudayaan (Cater, 1994 dalam Ross dan Wall, 1999a:128).

Ekopelancongan menekankan sumbangan aktiviti ekonomi yang dapat digunakan sebagai pemuliharaan dan pengurusan biodiversiti (Ross dan Wall, 1999a:129). Pelancong yang melawat ke kawasan semula jadi menyebabkan pemindahan nilai berlaku iaitu mereka akan mempelajari tentang alam semula jadi, kesedaran terhadap persekitaran, menghargai dan menghormati alam semula jadi (Norton, 1987 dalam Ross dan Wall, 1999a:129). Pendidikan persekitaran dapat disebarkan melalui bahan bacaan, peta, pusat maklumat pelancong dan pemandu pelancong untuk menggalakkan penghargaan kepada alam semula jadi dalam menyokong perlindungan kepada alam semula jadi. Pelancong yang menikmati alam semula jadi sanggup membayar, bayaran yang dikutip boleh digunakan dalam memelihara kawasan perlindungan (Ross dan Wall, 1999a:129).



Rajah 1.1 : Model Ekopelancongan

Sumber : Diubahsuai daripada Ross dan Wall, 1999a:12


Kerangka konseptual dalam kajian ini (Rajah 1.2) dihasilkan berdasarkan model Ross dan Wall (1999). Alam semula jadi adalah sumber tarikan yang utama dan penting dalam industri pelancongan di Cameron Highlands. Pelancong yang datang melancong di Cameron Highlands kerana suasana kehijauan alam semula jadi yang menarik dan keunikan biodiversiti serta cuaca yang sejuk dan dingin. Kini, Cameron Highlands telah mengalami pembangunan yang pesat dan ini telah menyebabkan alam semula jadi terutamanya hutan semakin berkurangan. Keadaan ini akan menjadi lebih teruk pada masa yang akan datang. Tanpa alam semula jadi yang menarik, industri pelancongan akan terjejas.

Ekopelancongan adalah produk pelancongan yang baru diperkenalkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, ekopelancongan telah diberi perhatian dan mula dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan. Cameron Highlands adalah kawasan tanah tinggi yang berpotensi dalam pembangunan ekopelancongan kerana persekitaran alam semula jadi yang sensitif yang memerlukan perlindungan demi pelancongan tidak terjejas akibat pengurusan yang lemah dan pembangunan tidak terkawal.

Dalam kajian ini, percubaan dibuat untuk mengenal pasti aktiviti ekopelancongan. Masalah persekitaran iaitu hutan ditebang dan hakisan tanah atau tanah runtuh turut dikenal pasti untuk melihat adakah masalah persekitaran ini serius sehingga menjejaskan aktiviti pelancongan di Cameron Highlands. Selain itu, langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar juga dikenal pasti.

Hasil daripada analisis, potensi, konsep dan kesedaran pelancong terhadap pembangunan ekopelancongan akan diketahui dengan lebih jelas. Seterusnya ini dapat membantu perancangan dan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan

pelancongan. Dasar dan strategi yang berkesan akan membawa sumbangan yang besar kepada alam sekitar dan ekonomi negara.



Rajah 1.2 Rangka Kerja Konseptual

1.11 Rumusan

Dalam kajian kes di Cameron Highlands, penyelidik terhadap pembangunan ekopelancongan adalah untuk melihat sejauh mana Cameron Highlands berpotensi dalam memajukan ekopelancongan demi melindungi alam semula jadi yang merupakan sumber tarikan yang utama dan penting dalam pelancongan. Seajar dengan kepesatan pembangunan pelancongan di Malaysia, kajian pembangunan

ekopelancongan adalah tepat pada masanya kerana sumbangan yang besar terhadap alam sekitar dan ekonomi negara.

Bab 2

Sorotan Literatur

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang konsep persepsi pelancong, pelancongan dan ekopelancongan. Perbincangan juga merangkumi kajian-kajian lepas dari luar negara dan tempatan dalam bidang pembangunan ekopelancongan.

2.1 Konsep Persepsi Pelancong

Persepsi didefinisikan sebagai satu proses di mana individu menerima, memilih, mengatur dan menginterpretasi untuk mencipta satu gambaran yang bermakna (Mayo dan Javis, 1981 dalam Sussmann dan Unel, 1999:208). Persepsi adalah suatu konsep yang penting dan kompleks dalam geografi manusia yang telah bermula pada tahun 1960. Persepsi bergantung kepada dorongan dan kemampuan organ pancaindera termasuk pengalaman individu yang lama dan sekarang atau sikap individu yang bertindak melalui penilaian, kehendak, ingatan, perasaan hati, keadaan sosial dan harapan (Saarinen, 1976). Persepsi akan mempengaruhi individu membuat keputusan melancong. Persepsi adalah penting kepada perancang dan pengurus destinasi pelancongan untuk menggalakkan imej baik sesuatu destinasi pelancongan kepada orang ramai (Boniface dan Cooper, 1994). Persepsi pelancong boleh didefinisikan sebagai suatu proses menterjemahkan maklumat yang dialami dari dunia luar ke dunia dalam mental (Decrop, 1999:104). Maklumat yang diterima dapat membentuk pengetahuan dan kemahiran yang baru terhadap tindak balas dengan persekitaran yang menghasilkan kepercayaan dan perasaan. Misalnya, destinasi percutian mungkin akan berhubung dengan beberapa ciri seperti iklim, kebudayaan, alam sekitar dan sebagainya di mana pelancong mempunyai perasaan terhadap sifat tersebut (Decrop, 1999:104).

Sikap dan persepsi itu sendiri tidak dapat menjelaskan bahawa mengapa seseorang individu ingin melancong. Individu yang mempunyai inisiatif permintaan melancong kerana adanya desakan daripada motivasi (Boniface dan Cooper, 1994). Motivasi wujud apabila individu ingin memenuhi kepuasan (Mill dan Morrison, 1992). Pelancong dimotivasi melalui dua faktor iaitu keinginan untuk mengembara atau merantau di mana individu ingin melihat sesuatu tempat, orang dan budaya yang berlainan (*wanderlust*) dan keinginan mengunjungi tempat yang lebih selesa dari rumah terutama berkaitan dengan iklim (*sunlust*) (Boniface dan Cooper, 1994; Walmsley dan Lewis, 1993; Pearce, 1987). Robert, C. Lucas menyatakan bahawa terdapat banyak persepsi yang berlainan bergantung kepada mod pelancongan yang dijalankan (Saarinen, 1976). Cohen telah mengenal pasti bahawa terdapat lima jenis mod pelancongan iaitu mod rekreasi, mod pelancongan, mod pengalaman, mod eksperimen dan mod kewujudan (Walmsley dan Lewis, 1993).

Terdapat dua jenis persepsi yang berkaitan dengan ruang iaitu persepsi pengelaran lokasi dan persepsi penilaian lokasi. Persepsi pengelaran lokasi adalah sikap individu terhadap sesuatu tempat dan tiada perkembangan terhadap sikap tersebut. Sebagai contoh, Arizona mempunyai iklim yang sederhana dan gurun Sahara adalah kontang dan diliputi oleh bukit pasir. Persepsi-persepsi ini tidak mempunyai keterangan emosi dan hanya mengandungi sedikit perkembangan tersirat di mana keterangan baik atau tidak baik dan sebagainya adalah tidak terlibat. Dan sebaliknya, persepsi penilaian adalah pertimbangan nilai terhadap sesuatu tempat. Misalnya, Paris adalah cantik dan bandar raya New York adalah kurang elok di mana persepsi-persepsi ini mempunyai keterangan yang menyifatkan perkembangan terhadap sesuatu tempat dan persepsi ini mengandungi keterangan emosi yang mungkin mewujudkan pertengkaran (Cox, 1972).

2.1.1 Kepentingan Persepsi dalam Pelancongan

Menurut Pearce (1982), persepsi pelancongan akan mempengaruhi pelancong dalam memilih sesuatu destinasi pelancongan (Simon, 2000:122). Persepsi dan imej adalah berkait rapat di mana imej adalah jumlah persepsi. Imej akan mempengaruhi pelancong dalam memilih sesuatu destinasi pelancongan, menilai destinasi tersebut dan memberi cadangan pada masa depan. Persepsi adalah kajian mengenai hubungan di antara imej terhadap sesuatu destinasi dan sikap pelancong (Bigne *et.al*, 2001:607). Jika penilaian persepsi terhadap sesuatu destinasi dalam imej positif yang tinggi, maka kemungkinan yang besar destinasi tersebut akan dipilih dalam proses membuat keputusan. Imej positif ini akan menyebabkan pelancong mempunyai cadangan ingin melawat kembali pada masa depan (Bigne *et.al*, 2001:608; Murphy *et.al*, 2000:46-47) dan juga sebagai satu cara pemasaran terhadap destinasi tersebut (Mill dan Morrison, 1992). Manakala jika penilaian persepsi terhadap sesuatu destinasi dalam imej negatif, maka pelancong akan mengubah keputusan untuk mengunjungi ke destinasi tersebut (Mill dan Morrison, 1992). Persepsi yang negatif terhadap sesuatu tempat akan memburukkan nama tempat dan seterusnya menjejaskan potensi pelancongannya.

Persepsi pelancong adalah penting dalam menentukan keputusan yang akan dibuat oleh para pelancong. Pelancong akan mengagihkan masa dan ruangan untuk memaksimumkan faedah melancong di samping menjimatkan masa dan wang (Mathieson dan Wall, 1982). Persepsi akan mempengaruhi pelancong membuat keputusan imej yang positif dan negatif terhadap sesuatu destinasi pelancongan. Ries dan Trout (1981, 1993) menyatakan bahawa pertempuran di pasaran bukan dari suatu produk tetapi persepsi. Persepsi akan mempengaruhi sikap pelancong di mana pelancong bukan bertindak kerana kenyataan tetapi persepsi terhadap kenyataan tersebut. Pelancong akan membuat keputusan berdasarkan persepsi masing-masing secara tepat atau tidak tepat (Ganesh dan Oakenfull, 1996 dalam Luckett *et.al*, 1999:

309). Menurut Brookfield pada tahun 1969, keputusan akan dibuat berdasarkan persepsi manusia terhadap persekitaran, tindak balas akan berlaku terhadap keputusan yang telah dibuat (Walmsley dan Lewis, 1993).

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi persepsi pelancong, antaranya adalah faktor fizikal, sosial, budaya, teknologi, ekonomi dan politik. Dalam aspek fizikal elemen-elemen seperti sumber semula jadi iaitu pemandangan bentuk muka bumi, flora dan fauna dan keadaan cuaca merupakan kesan persekitaran yang mempengaruhi persepsi (Murphy *et.al*, 2000:45). Choy pada tahun 1992 telah menjelaskan bahawa penilaian persepsi bukan hanya dipengaruhi oleh faktor kemudahan infrastruktur tetapi juga oleh faktor persekitaran seperti keadaan cuaca (Murphy *et.al*, 2000:46). Sebagai contoh semasa musim dingin, persepsi pelancong tempatan dalam penilaian perjalanan tidak dipengaruhi oleh perkhidmatan infrastruktur dan potongan harga. Di sebaliknya pelancong antarabangsa akan dipengaruhi oleh keadaan musim sejuk, perkhidmatan infrastruktur dan potongan harga. Faktor cuaca, fizikal dan tarikan kebudayaan serta harga akan mempengaruhi penilaian persepsi mereka terhadap perjalanan pelancongan.

2.2 Konsep Pelancongan

Perkataan '*tour*' berasal dari Latin '*tornare*' dan Greek '*tornos*' yang memberi makna '*a lathe or a cicle*' iaitu pergerakan yang mengelilingi titik pusat (*axis*). Dalam bahasa Inggeris moden, perkataan ini mewakili satu pusingan (*one's turn*). Imbuan akhiran '*ism*' ditakrifkan sebagai satu pergerakan dan proses, perlakuan biasa atau kuantiti. Apabila perkataan '*tour*' dan '*ism*' digabungkan ia bermaksud perlakuan bergerak mengelilingi satu pusingan yang akhirnya akan berpatah balik kepada garis permulaan (Theobald, 1994:6). Pada tahun 1811, Oxford English Dictionary mendefinisikan pelancongan adalah orang yang membuat lawatan atau kunjungan pada masa kelapangan (Honey, 1999).

Revolusi Perindustrian yang bermula pada abad ke-18 di Eropah dan Amerika Utara menjadi asas untuk pembangunan pelancongan moden. Revolusi ekonomi dan sosial telah meningkatkan daya pengeluaran buruh yang mewujudkan perbandaran secara besar-besaran, pertumbuhan kelas menengah yang pesat, taraf pendidikan yang lebih sempurna, lebih masa lapang dan permintaan terhadap rekreasi dan kemajuan bidang pengangkutan seperti landasan kereta api dan kapal api merupakan faktor-faktor perkembangan industri pelancongan selepas perang dunia kedua (Iskeep, 1996; Theobald, 1994:3).

Pelancongan mewah telah dimajukan pada abad ke-17 dan awal abad ke-18. Pelancongan ini melibatkan golongan bangsawan British yang terdiri daripada golongan diplomat, peniaga, sarjana yang mejelajah selama dua hingga tiga tahun untuk urusan pentadbiran kerajaan, perkhidmatan diplomatik, pendidikan dan kepimpinan politik masa depan (Iskeep, 1996; Goeldner *et.al*, 2000). Pelancongan mewah telah merosot pada awal abad ke-18 iaitu selepas Revolusi Perancis pada tahun 1789 dan Perang Napoleon (Iskeep, 1996; Weaver dan Oppermann, 2000).

Pada abad ke-18, pelancongan spa dan peranginan pantai mula dibina oleh orang Rom (Iskeep, 1996). Pelancongan terkenal di kalangan golongan atasan sebagai tempat terapeutik dan tempat mengadakan aktiviti sosial seperti permainan tarian, perjudian dan sebagainya (Goeldner *et.al*, 2000). Tempat peranginan pantai mula dimajukan pada awal abad ke-19. Pada mulanya, tempat ini dianggap sebagai tempat peranginan kesihatan tetapi kemudiannya mandian air garam menjadi sejenis rekreasi yang lazim (Iskeep, 1996). Peranginan pantai terkenal di kalangan golongan atasan dan juga bawahan.

Selepas perang dunia kedua, industri pelancongan mula berkembang pesat sebagai industri globalisasi sehingga ke era pelancongan massa pada masa kini. Kini

industri pelancongan merupakan bidang ekonomi dan pengaruh sosial yang utama di dunia (Mathieson dan Wall, 1982; Theobald, 1994:3). Industri pelancongan juga merupakan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang paling pantas dan sumber pendapatan melalui pertukaran mata wang asing di banyak negara (Mathieson dan Wall, 1982; Theobald, 1994:3). Industri pelancongan telah menjana sebanyak RM13.68 trilion aktiviti ekonomi dan 231 juta pekerjaan yang secara langsung atau tidak langsung di dunia pada tahun 1998 (Goeldner *et.al*, 2000).

Pelancongan antarabangsa telah berkembang kukuh sejak 50 tahun yang dahulu. Di antara tahun 1950 dan 1970, pelancongan antarabangsa berkembang kira-kira 10% setahun (Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, 1990:16). Walaupun perkembangannya sejak 1970-an agak lembap, kini pelancongan telah mencapai kadar yang amat tinggi iaitu kira-kira 410 juta pelancong antarabangsa di seluruh dunia yang melancong pada tahun 1990 dan melibatkan perbelanjaan kira-kira RM836 bilion (Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, 1990:16).

Menurut World Tourism Organization (WTO) di antara tahun 1992 dan 1997, bilangan pelancong sedunia telah mengalami pertumbuhan sebanyak 30% iaitu dari 463 juta orang kepada 594 juta orang. Bilangan ini dijangka akan berganda di antara tahun 1990 dan 2010 (Honey, 1999). Pada tahun 2002, ketibaan pelancong antarabangsa telah mengalami pertumbuhan sebanyak 2.7% iaitu 700 juta orang (meningkat sebanyak 16 juta dari tahun 2000) selepas penurunan 0.5% pada tahun 2001 akibat daripada peristiwa 11 September 2001 di Amerika (Jadual 2.1). Berdasarkan Jadual 2.1, ketibaan pelancong antarabangsa yang paling tinggi adalah di negara-negara Eropah iaitu hampir 400 juta pada tahun 2002. Ketibaan pelancong di Asia dan Asia Pasifik menunjukkan satu perkembangan yang pesat di mana ketibaan pelancong semakin meningkat dari tahun 1990-an hingga 2000-an. Industri pelancongan telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM16.72 trilion daripada

jumlah permintaan dan mewujudkan 231 juta peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung di seluruh dunia pada tahun 1998. Angka ini dijangka akan meningkat sehingga RM38 trilion pada tahun 2010 dan mewujudkan 328 juta peluang pekerjaan (Tourism Working Group, 1998).

Jadual 2.1 Ketibaan Pelancong Antarabangsa

Tahun	Ketibaan Pelancong Antarabangsa (juta)				
	1990	1995	2000	2001	2002
Dunia	455.9	550.4	687.3	684.1	702.6
Afrika	15.0	20.0	27.4	28.3	29.1
Afrika Utara	8.4	7.3	10.1	10.6	10.3
Afrika Barat	1.4	1.9	2.6	2.7	2.9
Afrika Tengah	0.4	0.4	0.7	0.7	0.7
Afrika Timur	2.8	4.5	5.9	6.2	6.3
Afrika Selatan	2.0	6.0	8.2	8.2	8.9
Amerika	93.0	108.8	128.0	120.2	114.9
Amerika Utara	71.7	80.5	91.2	84.4	81.6
Caribbean	11.4	14.0	17.2	16.9	16.1
Amerika Tengah	1.9	2.6	4.3	4.4	4.7
Amerika Selatan	7.9	11.7	15.2	14.4	12.5
Asia dan Asia Pasifik	57.7	85.6	115.3	121.1	131.3
Asia Timur Laut	28.0	44.1	62.5	65.6	73.6
Asia Tenggara	21.5	29.2	37.0	40.2	42.2
Oceania	5.2	8.1	9.6	9.5	9.6
Asia Selatan	3.2	4.2	6.1	5.8	5.9
Eropah	280.6	322.3	392.7	390.8	399.8
Eropah Utara	32.3	41.4	46.8	44.6	46.4
Eropah Barat	113.8	116.7	142.8	139.2	141.1
Eropah Tengah/Timur	39.0	61.4	62.3	63.4	65.2
Eropah Selatan	88.1	91.3	126.1	129.0	131.0
Eropah Timur Mediterranean	7.4	11.4	14.7	14.7	16.1
Timur Tengah	9.7	13.6	24.0	23.6	27.6

Sumber : Diubahsuai dari World Tourism Organization (WTO), 2003. Data dikumpul pada Ogos 2004.

2.2.1 Konsep Pelancongan di Malaysia

Industri pelancongan mula muncul di Malaysia pada akhir tahun 1960. Industri pelancongan tidak dianggap sebagai aktiviti ekonomi yang utama sehingga ke tahun 1970 kerana pada masa itu, sumbangan komoditi utama seperti getah dan bijih timah adalah jauh lebih penting. Pada tahun 1970, kerajaan Malaysia mula membangunkan industri pelancongan untuk memenuhi beberapa objektif seperti peningkatan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan peringkat pendapatan, menggalakkan pembangunan kawasan, mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan (Zainab dan Shaharuddin, 1997:177; Ghazali Musa, 2000:144). Tourism Development Corporation of Malaysia (TDC) ditubuhkan pada tahun 1972, perbadanan ini bertanggungjawab menjalankan pembangunan pelancongan. Pada masa itu, TDC tidak diberi keutamaan dengan kewangan yang terhad. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah ditubuhkan pada tahun 1987. Kementerian ini memainkan peranan dalam menyediakan insentif, meningkatkan mutu kemudahan asas, membuat promosi yang lebih menyeluruh dan menyediakan peruntukan untuk memajukan industri ini. Kemudiannya kementerian ini telah ditukarkan kepada Kementerian Pelancongan Malaysia sehingga ke hari ini.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), penumpuan dalam industri pelancongan telah diberi iaitu meningkatkan peruntukan promosi dan pemasaran aktiviti, infrastruktur dan produk pembangunan. Perbelanjaan bagi industri pelancongan dalam Rancangan Malaysia keempat ialah RM12.5 juta dan RM132.1 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima. Program 'Tahun Melawat Malaysia 1990' telah dianjurkan di mana ini telah memperkenalkan Malaysia ke pasaran antarabangsa. Program ini telah menarik 7.4 juta pelancong dengan hasil pendapatan sebanyak RM4.5 bilion. Pada tahun 2002, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau dikenali sebagai Tourism Malaysia

telah melancarkan kempen bertemakan 'Cuti-cuti Malaysia' untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keperluan melancong secara terancang. Kempen ini turut mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat tempatan. Cameron Highlands sebagai pusat pelancongan di kalangan pelancong luar negara adalah ketara apabila Malaysia mengadakan Persidangan Pasific Asia Travel Area pada tahun 1970. Sejak itu, industri pelancongan di Cameron Highlands bertambah maju (Morshidi *et.al*, 1993:64).

Industri pelancongan merupakan industri yang terbesar di dunia dan mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak. Industri ini terus menyumbang bagi menjana perolehan tukaran asing, guna tenaga dan pendapatan. Di Malaysia, menurut Rancangan Malaysia Ketujuh, pendapatan pelancongan pada tahun 2000 adalah sebanyak RM18.7 bilion yang mencapai pertumbuhan sebanyak 13.6%. Ketibaan pelancong telah meningkat dari 7.4 juta orang pada tahun 1990, 7.5 juta orang pada tahun 1995 sehingga 10.2 juta orang pada tahun 2000. Angka ini dijangka akan meningkat dan mancapai 14.2 juta orang pada tahun 2005 (Norizan, 2004:34). Ketibaan pelancong pada tahun 2003 menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan seramai 10.5 juta orang pelancong. Angka ketibaan ini telah melepasi sasaran ketibaan 6.5 juta orang pelancong yang ditetapkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan menyumbangkan pendapatan sebanyak RM21.3 bilion (Jadual 2.2) (Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 2003). Ketibaan pelancong dijangka mengalami pertumbuhan pada kadar purata 6.9% setahun untuk mencapai 14.3 juta pada tahun 2005 (Malaysia, 2001:474). Manakala ketibaan pelawat (pelancong dan pelawat harian) ke Malaysia pada tahun 2000 ialah sebanyak 10.2 juta orang di mana peningkatan 22.4% berbanding 7.9 juta orang pelawat pada tahun 1999 (Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 2003).

**Jadual 2.2 Ketibaan dan Pendapatan Pelancong Di Malaysia Pada Tahun 1990
2003**

Tahun	Ketibaan Pelancong	Pendapatan Pelancong (RM juta)
1990	7,445,908	4,500
1991	5,847,213	4,283
1992	6,016,209	4,595
1993	6,503,860	5,066
1994	7,197,229	8,298
1995	7,468,749	9,175
1996	7,138,452	10,354
1997	6,210,921	9,699
1998	5,550,748	8,580
1999	7,931,149	12,321
2000	10,221,582	17,335
2001	12,775,073	24,221
2002	13,292,010	2,781
2003	10,576,915	21,291

Sumber : Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 2000 dan 2003.

Program 'Homestay' telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan menawar kepada pelancong gaya penginapan istimewa yang memberi penekanan kepada layanan mesra di kediaman pendudukan tempatan dengan dikenakan bayaran yang berpatutan. Seramai 612 orang pengusaha program 'Homestay' dari 31 buah kampung telah berdaftar dengan kerajaan (Malaysia, 2001:470). Program 'Homestay' di Malaysia adalah terkenal dan disukai oleh pelancong. Terdapat 6500 orang pelancong telah menyertai program ini pada tahun 1996, 8050 orang pelancong pada tahun 1998, dan 10,500 orang pelancong pada tahun 1999 (The Star, 24 Februari 2000). Menurut Timbalan Menteri Pelancongan Datuk Ahmad Zahid Hamidi, program 'Homestay' semakin terkenal dan kini terdapat 1070 pengusaha program 'Homestay' dari 78 buah kampung di seluruh Malaysia telah berdaftar dengan pihak kerajaan pada tahun 2004. Beliau juga berkata program ini amat popular di kalangan pelajar dari negara China yang datang melancong di Malaysia semasa cuti panjang sekolah (The Star, 6 Disember 2005). Di Cameron Highlands, Lim *et.al* (2006) telah mencadangkan program ini berpotensi untuk